

# PENDEKATAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DALAM MENYANTUNI MUALAF

Zulhelmi, M.N<sup>1</sup> & Azman, A.R<sup>2</sup>



## ABSTRACT

*Islam is a religion of Allah without differentiate the social class, ethnicity and race. Adequacy and sustainability of Islam is clearly evident towards the creatures of Allah SWT on this earth through law and legislation brought. Greatness of Islam is governed by every trust and who believe that Allah is only one God and every aspects of Muslims life and thus has its own way of life. They were always be in a debate of religious for people who are converted to the Islam. In its place, people who are in this Group of Muslims Converts is in a return to nature in its occurrence which is created by Allah and they liven up the the Prophet's Muhammad SAW ummah. These groups were described by the Quran and Hadith by displaying the rights, responsibilities and matters of importance that be of the interest of the religion itself. Thus, this article is produced as submitted the number of the verses of the Quran and the Hadith of Prophet Muhammad SAW about Muslims Convert and the criticism of previous scholars related with it. It will also analyze major aspects that focus the number of the verses in the Quran and the hadiths of the Prophet Muhammad SAW. The verses in the Quran that presents المؤلففة قلوبهم and hadiths of the Prophet Muhammad SAW will be examined and issued out the discussion topics supported by the views of the scholars, as explained*

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: zulhelmi@usim.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my

*the characteristics must be treated and dealt with by all Muslims from various levels against the Muslims Convert. Subsequently, the focus of the contents of the verses in the Quran and hadiths of the Prophet Muhammad SAW with regard to the Muslims Convert will be considered. The objective of this article is to gather and elaborate the verses in the Quran and hadiths of the Prophet Muhammad SAW relating to the Muslims Convert, and looking at aspects of the emphasis that must be addressed by the humanitarian community and propose things that must be prioritized. It is hoped that this article can provide an important information about the Muslims Convert recedes from ethnic Muslims, seeing the whole issue of responsible and execute commands of God Almighty and His Messenger SAW.*

Keywords: Converts, approach of the Quran, Al-Sunnah, Sympathize Converts, Islam.

### ABSTRAK

*Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada seluruh umat manusia tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan dan bangsa. Kesempurnaan dan kelestarian Islam amat terserlah melalui layanan terhadap semua makhluk Allah SWT di muka bumi ini menerusi hukum hakam dan perundangan yang dibawa. Kehebatan Islam lebih dirasai oleh setiap yang mempercayai, menyakini dan beriman dengan Allah SWT. Kesemua sudut kehidupan dan keadaan diraikan oleh agama yang mulia ini. Bagi seseorang yang baru memeluk agama Islam atau lebih dikenali sebagai mualaf, mereka turut tidak ditinggalkan dalam perbahasan agama, malah golongan mualaf merupakan kelompok yang kembali kepada fitrah kejadiannya yang dicipta oleh Allah SWT dan sebagai kumpulan yang meramaikan umat Nabi Muhammad SAW. Kumpulan ini dihuraikan oleh al-Quran dan hadis dengan memaparkan hak-hak dan tanggungjawab serta perkara-perkara yang menjadi kepentingan agama itu sendiri. Maka, artikel ini dihasilkan sebagai mengemukakan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW sekitar mualaf dan melihat kupasan ulama terdahulu berkaitan dengannya. Ia juga akan mengupas aspek yang menjadi fokus utama ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Ayat-ayat al-Quran*

yang menyentuh المؤلفه قلوبهم serta hadis-hadis Nabi SAW akan diamati dan dikeluarkan topik perbincangannya dengan disokong oleh pandangan ulama, sebagai menjelaskan ciri-ciri yang mesti diraikan dan diuruskan oleh seluruh umat Islam dari pelbagai peringkat terhadap golongan “Mualaf”. Seterusnya konklusi berkaitan dengan fokus ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW berkaitan dengan “Mualaf” akan dapat diperhatikan. Objektif daripada artikel ini adalah untuk mengumpul dan menghuraikan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW berkaitan mualaf, melihat aspek penekanan yang mesti diberi perhatian oleh semua kelompok masyarakat dan mencadangkan perkara-perkara yang mesti diberi keutamaan. Diharapkan artikel ini dapat menambah maklumat penting tentang mualaf yang semakin hilang daripada pengamatan seluruh kaum muslimin, menerbitkan perasaan bertanggungjawab dan melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.

Kata kunci: *Mualaf, Perspektif, Al-Quran, Al-Sunnah, agama Islam.*

## PENDAHULUAN

Islam adalah semata-mata agama yang diiktiraf oleh Allah SWT. Semua bentuk agama dakwaan manusia adalah dengan sendirinya terbatal dengan kenabian Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang mencari selain daripada Islam sebagai agama, maka tidak akan diterima selama-lamanya daripadanya dan dia di hari akhirat nanti, dari kalangan orang yang rugi.*

(al-Quran. Ali ‘Imran 3: 85)

Maka, menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk berusaha membawa agama mulia ini agar dapat difahami dengan baik oleh semua manusia lantas menyebabkan mereka memeluk agama Islam.

Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِلَا تِي هِيَ  
أَحْسَنُ

Maksudnya: *Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah, pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.*

(al-Quran. al-Nahl 16: 125)

Begitu juga yang disabdakan oleh Baginda SAW kepada ‘Ali bin Abi Talib RA dalam peperangan Hunain yang menjadi iktibar kepada seluruh umat:

فَوَاللَّهِ لَأَنَّ يَهْدَى بِكَ رَجُلٌ وَاحِدٌ خَيْرٌ لَكَ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ

Maksudnya: *“Demi Allah, dengan sebabmu seseorang lelaki diberi hidayah (masuk Islam) lebih baik bagimu (sebagai ganjaran) daripada unta yang merah (harta yang amat bernilai).”*

(al-Bukhariyy, 1422H: 2942)

Apabila seluruh umat Islam dituntut untuk menyebarkan agama, berusaha untuk membawa umat manusia kepada fitrah, maka, suatu realiti yang mesti difahami, orang yang kembali kepada fitrah beriman kepada Allah SWT mesti dididik, diberikan ilmu dan diraikan keadaannya yang baru berubah daripada keadaan yang amat berbeza dari sebelumnya. Asal kehidupan yang berbeza, kepercayaan, cara makan dan minum, pergaulan, percakapan, ibadah dan amalan harian yang bersalahan dengan hakikat Islam. Semua ini tidak seharusnya dipandang ringan oleh umat Islam, jika dibiarkan begitu sahaja akan menambahkan kerosakan pada diri penganut baru agama Islam dan nama Islam itu sendiri. Berkata ‘Ali bin Abi Talib:

« وَقَالَ عَلِيٌّ: « حَدِّثُوا النَّاسَ، بِمَا يَعْرِفُونَ أَتُحِبُّونَ أَنْ يُكَذَّبَ، اللَّهُ وَرَسُولُهُ »

Maksudnya: *‘Berbicaralah dengan manusia, dengan apa yang mereka tahu (mengikut ilmu mereka), adakah kamu semua mahu menjadikan Allah SWT dan RasulNya didustakan?’*

(al-Bukhariyy, 1422H: 2942)

Berkata al-Hafiz Ibn Hajar: Iaitu yang mereka fahami dan tinggalkan apa yang mereka ingkari atau sesuatu yang samar dan sukar bagi mereka. Begitu juga kata-kata Ibn Mas'ud RA: Tidaklah kamu berbicara dengan sesuatu kaum sesuatu hadis atau perkara yang tidak dapat dicapai oleh akal mereka, kecuali akan menimbulkan fitnah ke atas sebahagian daripada mereka. (Ibn Hajar, 1379H: 1/225).

Begitulah pesanan para sahabat RA, agar kita berusaha untuk mendidik dan memberi kefahaman kepada mereka dengan cara yang terbaik agar tidak menyebabkan salah faham kepada Islam dan kembali murtad. Melihat kepada hakikat ini, artikel ini akan cuba mengemuka dan meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW yang berbicara atau menyentuh berkaitan mualaf serta melihat kepada aspek yang diberikan perhatian oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Semoga dengannya kita dapat menyemak kembali penekanan kita terhadap mualaf ini.

## PENGERTIAN MUALAF

Mualaf dalam istilah yang biasa digunakan adalah dengan lafaz المؤلفه قلوبهم. Istilah ini bermaksud golongan yang mahu dilembutkan hatinya yang cenderung kepada Islam (belum memeluk Islam), atau golongan yang hendak dikukuhkan keislaman mereka (baru memeluk Islam) atau golongan yang hendak dijauhkan kejahatan mereka dari kaum muslimin, atau golongan yang dibantu untuk memerangi musuh mereka. (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwatyyah, 1427: 36/12).

Ini bermaksud istilah *al-Muallaf* dari sudut *syara*<sup>c</sup> memiliki pengertian yang luas tidak hanya tertumpu kepada golongan yang baru memeluk agama Islam atau mualaf. Bagi mengkhususkan kepada mualaf dalam istilah *syara*<sup>c</sup>, penulis cuba melihatnya di dalam hadis-hadis Nabi SAW, maka didapati Nabi SAW pernah menggunakan lafaz حديث عهد بالجاهلية atau حديث عهد بالكفر lafaz الحديث (baru) adalah perkataan lawan daripada القديم yang bermaksud lama. Maksud ungkapan tersebut pada pandangan Ibn al-Athir: Hampirnya tempoh mereka dengan kekufuran (tempoh mereka memeluk agama Islam dan kufur adalah singkat) dan keluar mereka daripadanya serta masuk ke dalam Islam. Agama masih tidak kukuh di dalam hati mereka. (Ibn al-Athir, 1979: 1/350). Begitu juga pandangan ulama lain di dalam kitab mereka yang menghurai maksud ungkapan Nabi SAW.

Perkataan muallaf pada pandangan penulis adalah lebih hampir kepada lafaz *حديث عهد بالكفر*. Manakala ungkapan *al-Muallaf* dilihat lebih umum, merangkumi pelbagai golongan. Di Malaysia, ungkapan *al-Muallaf* ini lebih kerap digunakan untuk menyatakan tentang seseorang yang baru memeluk Islam. Ia tidaklah suatu yang bertentangan dengan penggunaan bahasa, cuma apabila diteliti di dalam banyak rujukan-rujukan agama yang asal berbahasa Arab, penggunaan yang lebih melambangkan muallaf adalah *hadith 'ahd bi al-kufr*.

### AYAT AL-QURAN YANG MENYENTUH ASPEK MUALLAF

Secara umumnya, ayat al-Quran yang secara khusus menyebut tentang muallaf adalah amat sukar untuk diperolehi, malah penggunaan perkataan *al-Muallaf* yang menggambarkan kelompok baru memeluk agama Islam juga hanya disebut sekali di dalam al-Quran di dalam surah al-Tawbah: 60. Situasi ini menurut pandangan penulis merujuk kepada beberapa keadaan, iaitu:

1. Sifat al-Quran yang berbentuk umum dan menyeluruh kepada seluruh umat manusia atau kepada seluruh umat Islam yang beriman kepada Allah SWT. Pengkhususan kepada kelompok tertentu dalam al-Quran antaranya dapat difahami daripada hadis Nabi SAW yang lebih khusus dan terperinci.
2. Semua yang memeluk agama Islam, di sisi Allah SWT adalah sama, yang membezakan antara mereka adalah taqwa, walaupun seseorang itu, baru memeluk Islam, tidak beramal dengan amal yang banyak, tetapi dengan keimanannya menyebabkan dia masuk ke dalam syurga Allah SWT. Sebagaimana kisah yang berlaku ketika seorang pembantu Rasulullah SAW beragama Yahudi hampir meninggal dunia, dia diziarahi oleh Baginda dan bersabda: "Masuklah ke dalam Islam". Lantas pembantu tadi melihat ke arah bapanya. Bapanya berkata: Tattilah Abu al-Qasim SAW. Pemuda Yahudi tadi memeluk Islam dan Baginda SAW bersabda: "Segala pujian bagi Allah yang menyelamatkannya dari api neraka". (al-Bukhariyy, 1422H: 1356).
3. Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT mengikut kepada suasana, tempat dan sebagainya. Maka ada ayat al-Quran yang dikategorikan sebagai *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Ciri-ciri *Makkiyyah* lebih

menjuruskan kepada pengukuhan keimanan yang merujuk kepada awal Islam atau terhadap golongan yang baru mengenal Islam.

4. Terdapat ayat al-Quran yang menyatakan tentang peringkat-peringkat penetapan sesuatu hukum, sifat beransur-ansur dalam penetapan hukum ini merupakan ciri-ciri al-Quran yang meraikan kelompok awal Islam, maka pengkhususan hukum kepada mualaf dapat difahami dengan penelitian ayat al-Quran.

Berikut disenaraikan beberapa ayat al-Quran yang dilihat lebih mengemukakan keadaan kelompok yang baru memeluk Islam. Pertama, firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا ضَرَبْتُمْ فِى سَبِيْلِ اللّٰهِ فَتَبَيَّنُوْا وَّلَا تَقُوْلُوْا لِمَنْ  
اَلْقٰٓى اِلَيْكُمْ السَّلٰمَ لَسْتُمْ مُّؤْمِنًا تَبْتَغُوْنَ عَرَضَ الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا فَعِنْدَ  
اللّٰهِ مَغٰنِمٌ كَثِيْرَةٌ كَذٰلِكَ كُنْتُمْ مِّنۢ قَبْلُ فَمَنْ اَللّٰهُ عَلٰىكُمْ فَتَبَيَّنُوْا  
ۙ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرًا ﴿٩٤﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berperang di jalan Allah, maka telitilah dan janganlah kamu mengatakan kepada orang yang mengucapkan salam kepadamu: Kamu bukan seorang mukmin. (lalu kamu membunuhnya), dengan maksud mencari harta benda kehidupan dunia. Begitu jugalah keadaan kamu dahulu. Lalu Allah menganugerahkan nikmatNya ke atas kamu, maka telitilah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

(al-Quran. al-Nisa' 4: 94)

Berkata Abu Hayyan al-Andalusi: Diriwayatkan oleh al-Bukhariyy dan Muslim: Sesungguhnya seorang lelaki dari Sulaim lalu di hadapan sekelompok sahabat dan bersamanya terdapat harta rampasan perang. Lelaki itu mengucapkan salam kepada para sahabat. Para sahabat yang ada berkata: Dia tidaklah mengucapkan salam, kecuali untuk menyelamatkan diri. Mereka lantas membunuhnya dan mengambil hartanya. Para sahabat tersebut bertemu Rasulullah SAW dan turun ayat Allah tersebut. (Abu Hayyan, 1420H: 4/30).

Dinukilkan oleh Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Daripada Ibn ‘Abbas RA berkata: Rasulullah SAW mengutuskan sekumpulan peninjau, di dalamnya terdapat al-Miqdad bin al-Aswad. Ketika kumpulan ini sampai di tempat yang diperintahkan, mereka dapati kaum tersebut sudah meninggalkan tempatnya, yang tinggal hanyalah seorang lelaki dengan harta yang banyak. Lelaki itu berkata: Aku menyaksikan tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Al-Miqdad lantas menuju ke arahnya dan membunuh lelaki tadi. Peristiwa itu dikhabarkan kepada Baginda SAW, lantas turunlah ayat ini. (Ibn Kathir, 1999M: 2/384).

Sebab penurunan dan ayat ini mengandungi penjelasan sikap muslim terhadap seseorang yang baru memeluk Islam kerana kumpulan Muslim di zaman Nabi SAW adalah agak kecil, hampir keseluruhan mereka kenal antara satu dengan lain, apabila terdapat seorang muslim yang tidak dikenali, maka berkemungkinan besar dia adalah seorang muslim yang baru memeluk agama yang mulia ini. Walaupun tidak secara zahir menyatakan lelaki tersebut baru memeluk Islam, bentuk ayat dan situasi pada zaman itu, amat menyifatkan sesiapa yang dijumpai di dalam medan perang di kawasan musuh dalam keadaan mengakui beriman, dia lebih hampir kepada seorang muallaf yang mesti diteliti.

Firman Allah SWT:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ الْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: *Katakanlah kepada orang-orang kafir itu: Jika mereka berhenti (dari kekafiran), nescaya Allah akan mengampunkan mereka tentang dosa-dosa mereka yang sudah lalu; dan jika mereka kembali (lagi) sesungguhnya akan berlaku (kepada mereka) sunnah (Allah terhadap) orang yang terdahulu.*

(al-Quran. al-Anfal 8: 38)

Berkata Ibn Kathir: Allah SWT berkata kepada Nabi-Nya SAW agar mengatakan kepada orang kafir agar berhenti daripada kekufuran, penyiksaan dan keingkaran dan masuklah ke dalam Islam, ketaatan dan kembali (kepada fitrah), nescaya akan diampunkan segala yang



telah lalu daripada kekufuran, dosa dan kesalahan mereka. (Ibn Kathir, 1999M: 4/54).

Ayat ini menjelaskan ganjaran serta natijah daripada seseorang yang masuk ke dalam Islam. Sebaik sahaja seseorang digelar mualaf dengan mengucapkan kalimah Syahadah, maka Allah serta merta akan menghapuskan segala kesalahan dan dosanya.

Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَفَةَ قُلُوبِهِمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk golongan fakir, miskin, pengurus zakat, para mualaf yang dipujuk hatinya, untuk hamba yang ingin merdeka, golongan berhutang, golongan yang berada di jalan Allah dan golongan yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

(al-Quran. al-Tawbah 9: 60)

Berkata al-Imam al-Tabari berkaitan mualaf: Mereka adalah kaum yang lembut hati mereka terhadap Islam, yang tidak perlu dibantu diri dan keluarga mereka seperti Abi Sufyan, ‘Uyaynah bin Badr, al-Aqra’ bin Habis dan sebagainya dari kalangan pembesar kabilah.

Al-Imam al-Tabari menukilkan dengan sanadnya daripada Ibn ‘Abbas berkata berkaitan muallaf: Mereka adalah kaum yang datang bertemu Rasulullah SAW setelah masuk Islam. Rasulullah SAW memujuk dan mengukuhkan mereka dengan pemberian. Jika mereka diberi dengan pemberian ini, lantas mereka berkata: Ini adalah agama yang amat baik! Tetapi jika tidak diberikan, mereka akan mengeji dan meninggalkan agama.

Juga daripada sanad al-Imam al-Tabari daripada Ma’qil bin Ubaidillah berkata: Aku bertanya al-Zuhri tentang ayat *al-Muallaf Qulubuhum*, beliau berkata: Ia adalah sesiapa yang masuk Islam daripada Yahudi atau Nasrani. Aku berkata: Walaupun mereka kaya? Beliau menjawab: Walaupun mereka kaya. (al-Tabari, 2000M: 14/312-314). Ayat ini memaparkan pemberian atau zakat yang ditetapkan

menjadi hak kepada setiap yang bergelar mualaf. Diputuskan oleh Allah SWT di dalam kitabnya, begitu juga pandangan para sahabat, tabiin dan ulama muktabar.

Firman Allah SWT:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۗ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۗ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: *Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang kamu tiada pengetahuan tentangnya, maka janganlah kamu mengikut keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutlah jalan orang yang kembali kepada-Ku. Kemudian hanya kepada-Ku lah tempat kembali, maka Aku beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.*

(al-Quran. Luqman 31: 15)

Berkata Ibn Kathir: Maksud ayat ini, jika kedua ibu bapa amat mahukan kamu mengikut mereka atas agama mereka yang asal, maka jangan kamu menerimanya. Tetapi ia tidak menghalang kamu daripada bersahabat baik dengan mereka, melakukan kebajikan terhadap mereka, ikutlah jalan orang-orang yang beriman. (Ibn Kathir, 1999M: 6/337).

Ayat Allah SWT ini menerangkan tentang hak kekeluargaan yang masih wujud bagi seseorang yang sudah masuk Islam dalam keadaan ibu bapanya masih kufur. Bagaimana Islam amat meraikan perasaan kekeluargaan dan tidak memutuskan hubungan antara ibubapa dan anaknya.

Firman Allah SWT:

أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ ۖ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٍ مِّن رَّبِّهِ ۗ فَوَيْلٌ لِلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ مِّن ذِكْرِ اللَّهِ ۗ أُولَٰئِكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: *Maka apakah orang-orang yang dibukakan Allah hatinya untuk (menerima) Islam lalu dia mendapat cahaya dari Tuhannya (sama dengan orang yang keras hatinya)? Maka*

*celakalah bagi orang yang keras hatinya dari mengingati Allah. Mereka itu dalam kesesatan yang nyata.*

(al-Quran. al-Zumar 39: 22)

Al-Baghawi membawa hadis Nabi SAW daripada Ibn Mas'ud RA berkata: Rasulullah SAW membaca ayat ini, lantas para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimanakah dibuka hatinya? Sabda Nabi SAW: "Jika masuknya cahaya ke dalam hati, maka ia akan cerah dan terbuka luas". Kami bertanya: Wahai Rasulullah, apakah tandanya? Jawab Baginda SAW: "Kembali kepada tempat yang kekal (kembali kepada keimanan), jauh dari tempat tipu daya (dunia), bersedia menghadapi mati sebelum datangnya maut". (al-Baghawi, 1420H: 4/85).

Ayat Allah SWT ini menggambarkan seseorang yang mendapat hidayah Islam, Allah SWT menganugerahkannya cahaya yang melembutkan hatinya. Dia kembali kepada Allah SWT dengan sebab keislamannya. Ayat ini jelas memaparkan kedudukan seseorang yang kembali kepada Islam di sisi Allah SWT.

Firman Allah SWT:

يٰٓأَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَن لَّا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْنَهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: *Wahai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah; tidak akan mencuri; tidak akan berzina; tidak akan membunuh anak; tidak akan membuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka; dan tidak akan menderhakaimu, maka terimalah janji setia mereka dan mohonlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(al-Quran. al-Mumtahanah 60: 12)

Ibn Kathir menukulkan daripada al-Bukhariyy dengan sanadnya daripada ‘Urwah sesungguhnya ‘Aisyah RA memberitahu kepadanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW menguji setiap wanita yang berhijrah kepada Baginda dengan ayat ini. Berkata ‘Aisyah RA: Sesiapa yang mengakui akan syarat ini atau menerimanya, maka Rasulullah SAW berkata kepadanya: Aku sudah menerima janji setiamu. (Ibn Kathir, 1999M: 8/96). Ayat ini mengemukakan cara Rasulullah SAW melalui perintah Allah SWT untuk berurusan dengan seorang wanita yang baru memeluk Islam. Mereka diberikan syarat-syarat yang merupakan asas agama untuk dijadikan janji setia, pengakuan mereka diambil dan mereka didoakan oleh Baginda SAW agar diampunkan Allah SWT. Ini adalah di antara kaedah penerimaan janji setia seseorang terhadap agama dan perjuangannya bersama dengan Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nasr: 1-3:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾

Maksudnya: *Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan. Dan kamu lihat manusia berbondong masuk ke dalam agama Allah. Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohon ampun kepadanya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima Taubat.* Kebanyakan para mufassirin menghuraikan maksud ayat dalam surah ini dengan tafsiran Ibn ‘Abbas yang menandakan hampirnya kewafatan Baginda Rasulullah SAW, bagaimana Rasulullah SAW mematuhi perintah Tuhannya dengan sentiasa bertasbih dan beristighfar. Juga sebagai menandakan kemenangan Islam dan kesempurnaan agamanya.

(al-Quran. al-Nasr: 1-3)

Penulis juga berpandangan bahawa surah ini juga terdapatnya perintah selepas masuknya sesuatu kaum ke dalam Islam atau seseorang, untuk kita mengucapkan syukur serta bertasbih kepada Allah SWT dan seterusnya sentiasa memohon keampunan kepada-Nya. Ia sebagai amalan yang mungkin boleh dilakukan bagi setiap orang yang mengislamkan seseorang.

## **FOKUS AYAT AL-QURAN BERKAITAN MUALAF**

Kesimpulan daripada ayat-ayat al-Quran yang dipilih berkaitan dengan mualaf, dapat dinyatakan bahawa antara fokus ayat al-Quran terhadap seseorang yang memeluk Islam adalah:

1. Berlaku adil dan bersifat teliti terhadap seseorang yang tidak dikenali tetapi mengakui Islam. Berkemungkinan dia adalah mualaf yang memiliki hak-hak yang sama dengan orang Islam yang lain.
2. Janganlah disebabkan dunia kita menafikan dan mengetepikan hak-hak seorang muslim yang lain terutamanya seseorang yang baharu menyatakan keislamannya.
3. Keistimewaan bagi orang kafir yang kembali kepada Islam adalah keampunan Allah SWT. Inilah berita gembira bagi setiap mualaf, mereka tidak perlu risau akan kesalahan mereka sebelum Islam.
4. Allah SWT menetapkan di dalam al-Quran hak harta yang mesti dimiliki oleh mualaf. Ini sebagai suatu pengiktirafan kepada pengembalian mereka kepada fitrah.
5. Islam tidak pernah membuka jalan permusuhan, malah golongan mualaf diminta sentiasa berbuat baik dengan ibubapanya yang masih kafir serta saudara maranya.
6. Seseorang yang memeluk Islam diibaratkan seseorang yang mendapat cahaya dari Tuhan, lembut hatinya untuk menerima didikan agama yang mesti diambil peluang oleh kumpulan pendakwah.
7. Terdapat beberapa syarat dan kaedah untuk memastikan mualaf akan terus istiqamah dengan Islam antaranya seperti yang dilakukan oleh Baginda SAW dengan cara berbaiah atas perkara-perkara asas agama.
8. Masuknya seseorang ke dalam Islam merupakan suatu nikmat besar kepada dirinya dan umat Islam. Ini menuntut kita sentiasa bersyukur dan memohon keampunan daripada Allah SWT di atas segala kesalahan.

## HADIS NABI SAW BERKAITAN MUALAF

Hadis Nabi SAW dilihat lebih khusus dan terperinci berkaitan dengan mualaf. Ini kerana Nabi SAW sendiri menjalankan dakwah, memberi didikan kepada umat dan memperincikan keadaan serta situasi setiap daripada umat Baginda. Antara hadis Nabi SAW yang menyentuh tentang sandara baru atau permulaan Islam bagi seseorang adalah seperti berikut:

Al-Imam al-Bukhariyy meriwayatkan melalui sanadnya:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَحِسَابِهِمْ عَلَى اللَّهِ»

Maksudnya: *Daripada Ibn ‘Umar RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehinggalah mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat. Jika mereka melakukannya, maka terpelihara darah-darah dan harta-harta mereka, kecuali dengan hak Islam, perhitungannya adalah tertakluk kepada Allah.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 1/14)

Berkata al-Hafiz Ibn Hajar: Maka dihukumkan sebagai Islam bagi sesiapa yang melafazkan dua kalimah syahadah, walaupun di dalam hati adalah sebaliknya. (Ibn Hajar, 1379H: 13/175). Hadis Nabi SAW ini menjelaskan kehormatan diri, maruah dan harta bagi setiap orang yang memeluk agama Islam. Seorang mualaf secara automatik, diri dan hartanya adalah untuk Islam, tidak diperlakukan sewenang-wenangnya. Dia telah mendapat pengiktirafan dari Allah SWT dan RasulNya SAW.

Al-Imam al-Bukhariyy meriwayatkan melalui sanadnya:

أَنَّ الْمُقْدَادَ بْنَ عَمْرٍو الكِنْدِيَّ، وَكَانَ مِمَّنْ شَهِدَ بَدْرًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهُ قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَرَأَيْتَ إِنْ لَقَيْتُ رَجُلًا مِّنَ الْكُفَّارِ فَاقْتَتَلْنَا، فَضَرَبَ إِحْدَى يَدَيَّ بِالسَّيْفِ فَقَطَعَهَا، ثُمَّ لَادَ مِنِّي بِشَجَرَةٍ، فَقَالَ: أَسَلِمْتُ لِلَّهِ، أَأَقْتُلُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ بَعْدَ أَنْ قَالَهَا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا تَقْتُلُهُ» فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ قَطَعَ إِحْدَى يَدَيَّ، ثُمَّ قَالَ ذَلِكَ بَعْدَ مَا قَطَعَهَا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا تَقْتُلُهُ، فَإِنْ قَتَلْتَهُ فَإِنَّهُ بِمَنْزِلَتِكَ قَبْلَ أَنْ تَقْتُلَهُ، وَإِنَّكَ بِمَنْزِلَتِهِ قَبْلَ أَنْ يَقُولَ كَلِمَتَهُ الَّتِي قَالَ»

Maksudnya: Sesungguhnya al-Miqdad bin 'Amr al-Kinda RA, salah seorang sahabat yang menyertai peperangan Badar bersama Rasulullah SAW berkata kepada Rasulullah SAW: Apakah pandangan tuan, jika aku bertemu dengan seorang lelaki dari golongan kafir lantas kami saling berbunuhan, dia berjaya menetak salah satu tanganku dengan pedang dan memotongnya. Kemudian pergi berlindung di sebatang pokok dan berkata: Aku masuk Islam kerana Allah, adakah boleh aku membunuhnya wahai Rasulullah setelah dia mengucapkannya? Rasulullah SAW bersabda: “Jangan kamu membunuhnya”. Beliau berkata: Wahai Rasulullah, dia telah memotong tanganku, kemudian mengucapkannya setelah itu? Sabda Rasulullah SAW: “Jangan kamu membunuhnya, jika kamu membunuhnya, maka dia seperti berada di kedudukan sebelum kamu membunuhnya, dan kamu berada ditempatnya sebelum dia melafazkan ungkapan yang dikatakan.”

(al-Bukhariyy, 1422H: 5/85)

Hadis ini memaparkan hak bagi seseorang yang mengucapkan kalimah tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Sama seperti hadis sebelumnya, darah, harta orang yang memeluk agama

Islam adalah terpelihara. Apabila dua kalimah syahadah dilafazkan oleh seorang muallaf, maka harta dan diri mereka di bawah undang-undang agama.

Al-Imam al-Bukhariyy meriwayatkan melalui sanadnya, daripada:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الْجَدْرِ أَمِنْ الْبَيْتِ هُوَ؟ قَالَ: «نَعَمْ» قُلْتُ: فَمَا لَهُمْ لَمْ يُدْخِلُوهُ فِي الْبَيْتِ؟ قَالَ: «إِنَّ قَوْمَكَ قَصَّرَتْ بِهِمُ النَّفَقَةُ» قُلْتُ: فَمَا شَأُنُ أَبِيهِ مُرْتَفَعًا؟ قَالَ: «فَعَلَّ ذَلِكَ قَوْمُكَ، لِيُدْخِلُوا مَنْ شَاءُوا وَيَمْنَعُوا مَنْ شَاءُوا، وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمَكَ حَدِيثٌ عَاهَدُهُمُ بِالْجَاهِلِيَّةِ، فَأَخَافُ أَنْ تُنْكَرَ قُلُوبُهُمْ، أَنْ أُدْخِلَ الْجَدْرَ فِي الْبَيْتِ، وَأَنْ أُلْصِقَ أَبِيَّهُ بِالْأَرْضِ»

Maksudnya: *Daripada 'Aisyah RA berkata: Aku bertanya Nabi SAW dinding (Hijr Ismail) adakah ia termasuk di dalam kaabah? Jawab Nabi SAW: "Ya". Aku berkata: Mengapakah tidak dimasukkan ke dalam kaabah? Jawab Baginda: "Sesungguhnya kaummu tidak memiliki perbelanjaan yang cukup". Aku bertanya lagi: Kenapakah pintunya tinggi? Jawab Nabi SAW: "Kaummu yang membuatnya, untuk dibenarkan masuk sesiapa yang mereka inginkan dan dilarang sesiapa yang mereka ingin, jika tidak kerana kaummu masih baru dengan jahiliyyah (baru memeluk Islam), aku takut hati mereka mengingkarinya, jika dimasukkan dinding itu ke dalam kaabah, dan aku rendahkan pintunya ke bumi.*

(al-Bukhariyy, 1422H: 2/146)

Hadis ini jelas mengemukakan pendirian Nabi SAW terhadap kaum yang baru memeluk Islam. Nabi SAW tidak mahu menimbulkan kekeuhan dan ketidakpuasan hati mereka, lantas tidak melaksanakan sesuatu yang tidak kurang pentingnya iaitu membina kembali kaabah mengikut asalnya. Inilah antara kebijaksanaan Baginda dalam menguruskan umatnya.



Al-Imam al-Bukhariyy meriwayatkan melalui sanadnya:

إِنَّ وَفْدَ عَبْدِ الْقَيْسِ لَمَّا أَتَوْا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ الْقَوْمُ؟ - أَوْ مِنَ الْوَفْدِ؟ -» قَالُوا: رَبِيعَةٌ. قَالَ: «مَرْحَبًا بِالْقَوْمِ، أَوْ بِالْوَفْدِ، غَيْرِ خَزَايَا وَلَا نَدَامَى»، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَا نَسْتَطِيعُ أَنْ نَأْتِيكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ، وَبَيْنَنَا وَبَيْنَكَ هَذَا الْحَيِّ مِنْ كُفَّارٍ مُضِرٍّ، فَمُرْنَا بِأَمْرٍ فَضَّلْ، نُخْبِرَ بِهِ مَنْ وَرَاءَنَا، وَنَدْخُلَ بِهِ الْجَنَّةَ، وَسَأَلُوهُ عَنِ الْأَشْرَبَةِ: فَأَمَرَهُمْ بِأَرْبَعٍ، وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ، أَمَرَهُمْ: بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ وَحْدَهُ، قَالَ: «أَتَدْرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَحْدَهُ» قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: «شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَصِيَامُ رَمَضَانَ، وَأَنْ تَعْطُوا مِنَ الْمَغْنَمِ الْخُمْسَ» وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ: عَنِ الْحَنْتَمِ وَالِدُّبَاءِ وَالنَّقِيرِ وَالْمَرْفَتِ «، وَرَبَّمَا قَالَ: «الْمُقِيرِ» وَقَالَ: «أَحْفَظُوهُنَّ وَأَخْبِرُوا بِهِنَّ مَنْ وَرَاءَكُمْ»

Maksudnya: Sesungguhnya wakil 'Abd al-Qais ketika mereka datang bertemu Nabi SAW, Baginda bertanya: "Siapakah kaum ini?" mereka menjawab: Rabi'ah. Sabda Nabi SAW: Selamat datang kepada wakil atau kaum tanpa sebarang kerugian dan penyesalan". Mereka berkata: Wahai Rasulullah, kami tidak mampu untuk datang bertemu tuan kecuali di bulan-bulan haram, kami terhalang dengan kaum kufar Mudar, perintahkan kepada kami dengan perkara yang pasti, dapat kami khabarkan kepada kaum kami dan memasukkan kami ke dalam syurga. Mereka juga bertanya Nabi SAW tentang minuman. Maka Nabi SAW memerintahkan mereka dengan empat perkara, dan melarang mereka daripada empat perkara. Memerintahkan mereka: Beriman kepada Allah semata-mata, baginda bersabda: "Adakah kamu mengetahui maksud beriman kepada Allah semata-mata?" mereka berkata: Hanya Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui. Sabda Nabi SAW: "Penyaksian sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan sesungguhnya Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat,

*berpuasa Ramadhan, dan memberikan daripada rampasan perang satu perlima daripadanya”. Baginda melarang mereka daripada empat perkara iaitu: daripada al-Hantam, al-Duba’, al-Naqir dan al-Muzaffat. Sabda Baginda SAW: “Hafallah ia dan khabarkan kepada orang di belakang kamu.”*

(al-Bukhariyy, 1422H: 1/20)

Hadis Nabi SAW ini memperlihatkan didikan Baginda kepada kelompok yang baru memeluk Islam dan sukar untuk bertemu dengan Baginda SAW. Bagaimana fokus Nabi SAW terhadap perkara asas dalam agama dan sesuatu yang menjadi kebiasaan mereka, iaitu berkaitan dengan minuman memabukkan. Nabi SAW amat memahami situasi mereka yang kerap berperang dengan kelompok *kuffar*, lantas diperintahkan untuk melaksanakan kewajipan menunaikan satu perlima daripada harta rampasan perang kepada Rasulullah SAW. Inilah pengajaran Nabi SAW kepada golongan yang kita namakan sebagai mualaf.

Al-Imam al-Bukhariyy meriwayatkan melalui sanadnya:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنِّي أُعْطِي قُرَيْشًا أَتْلَفُهُمْ، لِأَنَّهُمْ حَدِيثٌ عَهْدٍ بِجَاهِلِيَّةٍ»

Maksudnya: *Daripada Anas RA berkata: Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya aku memberikan pemberian kepada Quraish dengan sebab untuk mendekatkan mereka (melembutkan hati mereka), kerana mereka masih baru dengan jahiliyyah (meninggalkan jahiliyyah dan memeluk Islam).”*

(al-Bukhariyy, 1422H: 4/93)

Hadis Nabi SAW ini menggambarkan pemberian yang diberikan oleh Nabi SAW kepada golongan yang baru memeluk Islam. Ia sebagai melembutkan hati dan menarik mereka untuk lebih mengenali Islam. Inilah juga antara pecahan zakat yang diwajibkan kepada *al-Muallaf Qulubuhum*. Hak zakat telah diperuntukkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran.

Al-Imam al-Bukhariyy meriwayatkan melalui sanadnya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: لَمَّا كَانَ يَوْمَ حُنَيْنٍ، آتَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَسًا فِي الْقِسْمَةِ، فَأَعْطَى الْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسٍ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ، وَأَعْطَى عُمَيْنَةَ مِثْلَ ذَلِكَ، وَأَعْطَى أَنَسًا مِنْ أَشْرَافِ الْعَرَبِ فَأَثَرَهُمْ يَوْمَئِذٍ فِي الْقِسْمَةِ، قَالَ رَجُلٌ: وَاللَّهِ إِنْ هَذِهِ الْقِسْمَةُ مَا يُعْدَلُ فِيهَا، وَمَا أُرِيدُ بِهَا وَجْهَ اللَّهِ، فَقُلْتُ: وَاللَّهِ لِأَخْبَرَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَتَيْتُهُ، فَأَخْبَرْتُهُ، فَقَالَ: «فَمَنْ يَعْدِلُ إِذَا لَمْ يَعْدِلِ اللَّهُ وَرَسُولُهُ، رَحِمَ اللَّهُ مُوسَى قَدْ أُوذِيَ بِأَكْثَرِ مِنْ هَذَا فَصَبِرَ» ٩٥ / ٤

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin Mas'ud RA berkata: Setelah peperangan Hunain, Nabi SAW melebihi pemberian kepada sebahagian manusia. Baginda memberikan kepada al-Aqra' bin Habis seratus ekor unta, diberikan kepada 'Uyaynah seperti itu juga, Baginda memberikan kepada manusia di kalangan pembesar Arab dan melebihi kepada mereka dalam pembahagian. Berkata seorang lelaki: Demi Allah, pembahagian ini tidak adil, bukanlah ia ikhlas kerana Allah. Abdullah berkata: Aku akan khabarkan kata-kata tersebut kepada Nabi SAW. Apabila dikhabarkan kepada Baginda, sabda Baginda SAW: "Siapakah yang lebih adil, jika Allah dan Rasul-Nya tidak berlaku adil, Allah merahmati Nabi Musa, bagaimana Baginda disakiti lebih banyak dari ini, dan tetap sabar."*

(al-Bukhariyy, 1422H: 4/95)

Hadis ini juga berkaitan pemberian yang diberikan khusus buat kaum Quraish yang baru memeluk Islam. Dan banyak lagi kisah yang menunjukkan Nabi SAW mengkhususkan pemberian yang agak banyak kepada kelompok yang baru memeluk Islam, sebagai melambangkan ketetapan Allah dan RasulNya terhadap golongan ini.

Al-Imam Muslim meriwayatkan melalui sanadnya:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ، قَالَ: «إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَيَّ قَوْمَ أَهْلِ كِتَابٍ، فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ عِبَادَةَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَإِذَا عَرَفُوا اللَّهَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ، فَإِذَا فَعَلُوا، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَرُدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ، فَإِذَا أَطَاعُوا بِهَا، فَخُذْ مِنْهُمْ وَتَوَقَّ كَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ»

Maksudnya: *Daripada Ibn ‘Abbas RA, sesungguhnya Rasulullah SAW ketika mengutuskan Mu’az ke negara Yaman, Baginda bersabda: “Sesungguhnya kamu mendatangi kaum dari Ahli Kitab, maka, perkara utama yang kamu seru kepada mereka adalah penyembahan kepada Allah, jika mereka telah mengenal Allah, khabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka solat lima waktu siang dan malam, jika mereka melakukannya, khabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka zakat, diambil daripada golongan kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada golongan miskin di kalangan mereka. Jika mereka mentaatinya, ambillah daripada mereka (zakat), dan jauhilah harta-harta yang bernilai sahaja.*

(Muslim, 1954M: 1/51)

Berkata al-Imam al-Nawawi: Pada hadis ini antaranya, menjadi sunnah terhadap golongan *kuffar* hendaklah diseru kepada tauhid sebelum diperangi dan tidak dihukumkan seseorang dengan Islam kecuali setelah mengucapkan kalimah tauhid. (al-Nawawi, 1392H: 1/197).

Hadis Nabi SAW ini memiliki turutan berdakwah kepada bukan Islam dan peringkat-peringkat kewajipan yang dituntut kepada seseorang mualaf. Ia melambangkan kerahmatan Islam dan bagaimana ia meraikan keadaan mualaf yang masih belum sepenuhnya mampu melaksanakan segala tuntutan agama. Al-Imam Muslim meriwayatkan melalui sanadnya, berkaitan kisah pembukaan Kota Mekah:

ثُمَّ قَالَ: «مَنْ دَخَلَ دَارَ أَبِي سُفْيَانَ فَهُوَ آمِنٌ»

Maksudnya: *Sabda Nabi SAW: “Sesiapa yang memasuki rumah Abu Sufyan, maka dia selamat”.*

(Muslim, 1954M: 3/1405)

Lafaz ini diungkapkan oleh Nabi SAW ketika pembukaan kota Mekah. Rasulullah SAW menjamin keselamatan bagi sesiapa yang berlindung di rumah Abu Sufyan RA. Abu Sufyan RA yang baharu memeluk Islam diberikan kehormatan seumpama kehormatannya ketika masih kafir. Ini membuktikan bagaimana Islam memberikan hak keistimewaan yang sepatutnya kepada sesiapa sahaja muallaf mengikut keadaan dan situasi mereka. Islam tidak merendah-rendahkan kedudukan seseorang, malah kedudukannya akan menjadi tinggi di sisi Allah SWT. Al-Imam Muslim meriwayatkan melalui sanadnya:

عَنْ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: فَلَمَّا جَعَلَ اللَّهُ الْإِسْلَامَ فِي قَلْبِي أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: ابْسُطْ يَمِينَكَ فَلَا بُأْيَعُكَ، فَبَسَطَ يَمِينَهُ، قَالَ: فَقَبَضْتُ يَدِي، قَالَ: «مَا لَكَ يَا عَمْرُو؟» قَالَ: قُلْتُ: أَرَدْتُ أَنْ أَشْتَرِطَ، قَالَ: «تَشْتَرِطُ بِمَاذَا؟» قُلْتُ: أَنْ يُغْفَرَ لِي، قَالَ: «أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ الْإِسْلَامَ يَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهُ؟ وَأَنَّ الْهِجْرَةَ تَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهَا؟ وَأَنَّ الْحَجَّ يَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهُ؟»

Maksudnya: *Daripada ‘Amr bin al-‘As RA berkata: Apabila Allah SWT menjadikan Islam amat ku cintai di dalam hatiku, aku datang bertemu Nabi SAW, aku berkata: Bentangkan tangan tuan, untuk aku berbaiah. Maka Nabi SAW membentangkan tangan Baginda. ‘Amr RA berkata: Aku memegang tanganku. Nabi SAW bertanya: “Mengapakah kamu wahai ‘Amr?”. Aku berkata: Aku ingin meletakkan syarat. Sabda Nabi SAW: “Kamu ingin meletakkan syarat apa?”. Aku berkata: Supaya diampunkan aku, sabda Nabi SAW: “Tidakkah engkau tahu, sesungguhnya Islam menghapuskan segala dosa sebelumnya? Hijrah menghapuskan dosa sebelumnya? Dan haji menghapuskan dosa sebelumnya?*

(Muslim, 1954M: 1/112)

Berkata al-Imam al-Nawawiyy: Maksud Islam menghapuskan dosa sebelumnya adalah menggugurkan dan memadamkan semua kesalahan dan dosa sebelum memeluk agama Islam. (al-Nawawiyy, 1392H: 2/138).

Hadis ini menjelaskan kedudukan orang yang baru memeluk Islam. Mereka ibarat seseorang yang langsung tidak memiliki dosa. Golongan seperti ini mestilah diberikan didikan yang sempurna agar tidak terpalit dengan dosa semula. Pengkhabaran Nabi SAW sebagai suatu khabar gembira buat semua mualaf dan mereka mampu untuk berusaha berada di kedudukan yang istimewa di sisi Allah SWT.

### **FOKUS HADIS NABI SAW TERHADAP MUALAF**

Sebagai kesimpulan daripada beberapa hadis yang didatangkan berkait dengan mualaf, penulis mendapati antara perkara yang menjadi fokus sabdaan Baginda adalah:

1. Tuntutan untuk menyebarkan agama dan memelihara kehormatan diri, harta dan sebagainya bagi seseorang yang baru memeluk Islam.
2. Penekanan terhadap kedudukan mualaf yang sama dengan muslim asal atau lama. Sama ada dari sudut kehormatan, harta benda, nyawa dan keluarga mereka. Islam tidak membezakan antara umatnya.
3. Islam meraikan keadaan mualaf, sebarang bentuk atau perkara yang tidak wajib, jika boleh menimbulkan kekeliruan pada golongan ini, maka ia akan dimansuh atau ditangguhkan. Perasaan dan syak wasangka mereka sedaya upaya dipastikan sentiasa istiqamah dengan agama Islam.
4. Pengetahuan dan tuntutan agama mesti didedahkan secara berperingkat. Ini memastikan ia kukuh dalam jiwa dan tidak menyebabkan mereka terbeban. Perkara asas dalam agama diutamakan sebelum perkara cabang.
5. Pemberian kepada golongan mualaf sama ada yang wajib dalam bentuk zakat atau sunat seperti hadiah, bantuan dan sebagainya amat banyak dipraktikkan oleh Baginda SAW, sehingga menyebabkan mereka amat kuat dengan Islam.
6. Kedudukan dan tahap kemasyarakatan mualaf juga diraikan dalam hadis Nabi SAW.

7. Keistimewaan mualaf adalah mereka seumpama kain putih yang tidak memiliki sebarang dosa dan mesti dikekalkan sehingga akhir hayat mereka.

## CADANGAN DAN PENUTUP

Hasil daripada kumpulan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW yang dapat diteliti, didapati masih banyak aspek yang perlu ditekankan untuk menguruskan kelompok mualaf. Pengurusan dan penekanan aspek-aspek ini menjadi tanggungjawab seluruh masyarakat Islam dan diri mualaf itu sendiri. Beberapa cadangan yang dapat dikemukakan, antaranya:

1. Masih banyak hadis Nabi SAW yang tidak dapat diteliti dengan mendalam berkaitan dengan sabdaan dan perlakuan Nabi SAW terhadap mereka yang boleh dikaji. Ini memerlukan kepada usaha berterusan dan kesungguhan yang berpanjangan.
2. Dalam konteks Malaysia, gelaran mualaf yang diberikan kepada mualaf, perlu lebih diteliti agar masyarakat tidak terkeliru dengan istilah mualaf dan hanya menganggap ia untuk muslim yang baharu sahaja.
3. Keperluan mualaf di zaman ini berbeza dengan keperluan di zaman Rasulullah SAW, maka ia mesti dikaji dan diperhatikan bagaimana Nabi SAW memenuhi keperluan mualaf di zaman Baginda SAW.
4. Sokongan dan bantuan dari seluruh masyarakat Islam amat diperlukan bagi membentuk mualaf yang dapat menyumbang ke arah ketinggian agama Islam.

Kesimpulannya, ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW tidak meminggirkan golongan mualaf. Merekalah yang akan menjadi unsur-unsur kekuatan umat Islam. Mereka juga merupakan kayu ukur kepada keluarga dan masyarakat asal yang belum beragama Islam untuk menilai kebaikan dan kemuliaan Islam. Pengabaian kumpulan ini akan mencacatkan nama agama, malahan lagi jika terdapat mualaf yang mendapatkan agama Islam daripada kumpulan yang sesat dan terpesong dari ajaran sebenar. Kita amat perlu untuk merujuk kembali kepada firman Allah SWT dan sabdaan Nabi SAW untuk menjamin kekuatan umat.

## RUJUKAN

- al-Andalusiyy, Abu Hayyan Muhammad bin Yusuf, 1420H, *al-Bahr al-Muhit Fi al-Tafsir*. Tahqiq: Sidqi Muhammad Jamil, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-‘Asqalaniyy, Ahmad bin Ali bin Hajar, 1379H, *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- al-Baghawiyy, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas‘ud, 1420H, *Ma‘alim al-Tanzil Fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- al-Bukhariyy, Muhammad bin al-Isma‘il, 1422H, *Sahih al-Bukhariyy*. Tahqiq: Muhammad Zuhair al-Nasir, Dar Tauq al-Najah.
- al-Dimasyqiyy, ‘Ismail bin ‘Umar bin Kathir, 1999M, *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Dar Taybah.
- al-Nawawiyy, 1392H, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf, *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya‘ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Qusyairiyy, Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- al-Shaibaniyy, Ibn Athir, Abu al-Sa‘adat, al-Mubarak bin Muhammad, 1979M, *al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- al-Tabariyy, Muhammad bin Jarir bin Yazid, 2000M, *Jami‘ al-Bayan Fi Ta‘wil Ayy al-Quran*. Beirut: Muassalah al-Risalah.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah, 1427H, *al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwatiyyah*. Kuwait: Dar al-Salasil.